

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

**Peperiksaan Semester Pertama
Sidang Akademik 1997/98**

September 1997

PGT 402 - Sistem Pengajaran Sekolah Rendah

Masa : [3 jam]

Arahan: Anda dikehendaki menjawab **EMPAT (4)** soalan sahaja daripada lapan soalan yang disediakan

1. (a) Apakah yang anda faham tentang 'sistem'? Huraikan makna sistem sebagai sesuatu benda yang wujud dan sesuatu kaedah atau pendekatan untuk menyelesaikan masalah.
 (b) Jelaskan enam (6) ciri utama yang terdapat dalam sistem
 (c) Sediakan enam (6) frem yang berkaitan dengan 6 fasa atau peringkat rekabentuk metodologi yang bersistem untuk dijadikan modul pembelajaran kendiri.

(25 markah)

- 2 (a) Huraikan apa yang anda faham tentang:

- (i) penguasaan pembelajaran
 - (ii) ujian rujukan kriteria
 - (iii) analisis tugas (task analysis)
 - (iv) analisis kesilapan (error analysis)
- (b) Beri satu contoh perancangan untuk menyediakan analisis tugas (task analysis) untuk mengajar mana-mana topik yang anda ketahui.

(25 markah)

3. (a) Berikan enam (6) perbezaan di antara buku teks dengan sebuah modul pembelajaran kendiri

- (b) Huraikan enam (6) langkah penyusunan rekabentuk, perkembangan dan penilaian sebuah modul pembelajaran kendiri

(25 markah)

...2/-

4. Pendekatan bersistem untuk melahirkan guru yang mahir dalam pengajaran telah diperkenalkan oleh Carkhuff dan Berenson (1981). Huraikan lima (5) sistem berikut dengan memberikan contoh-contoh pengajaran yang mereka cadangkan. Sistem tersebut ialah:

- (a) persembahan pengajaran
- (b) perhubungan guru-murid
- (c) memperkembang isi
- (d) rancangan pelajaran
- (e) kaedah pengajaran

(25 markah)

5. (a) Berdasarkan beberapa kajian yang telah dijalankan beri lima (5) rasional kenapa pembelajaran rakan sebaya sangat penting untuk diintegrasikan dalam pengajaran dalam bilik darjah.
- (b) Jelaskan tiga (3) cara untuk menjalankan pembelajaran rakan sebaya
- (c) Beri tiga (3) berbezaan di antara pembelajaran cara kumpulan dengan pembelajaran rakan sebaya.

(25 markah)

6. (a) Terdapat pertalian di antara sistem penilaian KBSR (Kurikulum Baru Sekolah Rendah) di Malaysia dengan Sistem Penilaian Kebangsaan di England dan Wales. Huraikan tiap-tiap komponen yang terdapat dalam kedua-dua sistem tersebut.
- (b) Jelaskan tiga (3) kebaikan dan tiga (3) kelemahan yang terdapat dalam pelaksanaan PKBS (Penilaian Kemajuan Berasaskan Sekolah).

(25 markah)

7. (a) Dengan memberi contoh-contoh yang sesuai huraikan salah satu daripada projek berikut:

- (I) Projek PAMONG (Pendidikan Anak oleh Masyarakat Orang Tua dan Guru) di Indonesia.
- (ii) Project IMPACT (Instructional Management by Parents, Teachers and Community) di Filipina.
- (iii) Projek InSPIRE (Instructional System and Programmed Instruction for Rural Environment) di Malaysia.

...3/-

- (b) Jelaskan tiga (3) sebab kenapa projek-projek di atas tidak dapat diperkembangkan di negara-negara tersebut.
- (25 markah)
8. (a) Apakah yang anda faham tentang ujian diagnostik dan bagaimana anda menjalankan tindakan susulan setelah menjalankan ujian diagnostik?
- (b) Jelaskan ruanglingkup pengajaran diagnostik berdasarkan lima (5) proses asas yang anda ketahui.
- (c) Jelaskan tujuh (7) langkah untuk menyediakan ujian diagnostik.
- (25 markah)

0000000

